

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (5)



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 22 TAHUN 2021**

---

### **PINDAAN PERATURAN PEMBAYARAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS**

Pejabat Bendahari

21 Disember 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (5)

21 Disember 2021

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 22/2021

### PINDAAN PERATURAN PEMBAYARAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pindaan Peraturan Pembayaran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengguna pakai Peraturan Pembayaran Badan Profesional seperti mana yang termaktub dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti, Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab F Pembayaran.
- 2.2 Walau bagaimanapun, terdapat keperluan pindaan peraturan sedia ada merangkumi perkara berikut:
  - i. Pindaan nama peraturan dan syarat serta kelayakan.
  - ii. Perluasan bayaran yuran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas kepada Penolong Jurutera (PJ) yang mendapat pensijilan sebagai Juruteknik Bertauliah (*Certified Technicians Tc.*) daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).
- 2.3 Pindaan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 5/2021 pada 06 Oktober 2021 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2021 pada 3 November 2021.

### 3.0 PINDAAN PERATURAN PEMBAYARAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

- 3.1 Peraturan Pembayaran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas ini diperluaskan kepada PJ yang telah berdaftar sebagai Tc. daripada MBOT untuk memenuhi keperluan semasa universiti. Sekiranya terdapat keperluan bagi PJ yang lain untuk memohon Tc., permohonan hendaklah dipanjangkan kepada **Pejabat Pendaftar** untuk kelulusan terlebih dahulu sebelum tuntutan bayaran balik dibuat.
- 3.2 Universiti hanya menanggung yuran Tc. merangkumi yuran pemprosesan, yuran pendaftaran dan yuran pembaharuan tahunan sahaja seperti mana yang dinyatakan dalam peraturan dan yuran untuk pendaftaran sebagai Juruteknik Berkelayakan (*Qualified Technicians*) perlu ditanggung sendiri oleh pegawai.
- 3.3 Selain itu, sekiranya terdapat keperluan untuk menjadi ahli kepada Badan-Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas selain daripada senarai yang diluluskan, pegawai perlu mengemukakan permohonan melalui **Pejabat Pendaftar** untuk kelulusan Naib Canselor.

### 4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pindaan di bawah Bahagian Pengurusan Wang Universiti adalah seperti berikut :
  - 4.1.1 **BAB F : PEMBAYARAN**
- 4.2 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 4.3 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-f-pembayaran>

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/PKPU2021